



Anwar bersama Menteri Luar Datuk Seri Mohamad Hasan dan Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri Tengku Datuk Seri Zafrul Aziz pada sidang media sempena AELM 2024, di Peru, semalam. (Foto bernama)

# PM bidas pihak fitnah isu iktiraf negara Israel

Anwar tegaskan kenyataan pada wawancara bersama CNN dimanipulasi

Daripada Kamarulzaidi Kamis kamarulzaidi@bh.com.my di Lima, Peru



**Perdana** Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, membidas pihak yang memfitnah beliau mengiktiraf Israel, sambil menyifatkan tindakan terbabit sebagai tidak bertanggungjawab serta cuba memperbodoh rakyat.

“Politik apa macam ni? Memperbodoh rakyat, menipu, memfitnah atas nama Islam. Ini yang disebut penunggang agama yang tak reti nak ulas,” tegas beliau dalam sidang media di sini sempena Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Ekonomi APEC (AELM).

“Kalau orang tanya, apakah wujudnya Israel? Ia wujud (tetapi) Malaysia tidak iktiraf, maknanya tidak hantar pegawai kedutaan, tidak ada hubungan diplomatik. Itu maksudnya,” tegasnya.

Isu berkenaan berbangkit berikutan wawancara Anwar ber-

sama stesen televisyen CNN baru-baru ini yang menjadi tular apabila disunting sedemikian rupa sehingga menimbulkan dakwaan seolah-olah Malaysia mengiktiraf negara haram Israel.

Dakwaan itu kebanyakannya datang daripada pembangkang dan turut dibangkitkan di Parlimen.

Mengulas lanjut, Perdana Menteri sama sekali menolak dakwaan pihak tertentu bahawa beliau mengiktiraf Israel dan menyifatkan tuduhan tersebut sebagai fitnah yang diangkat atas nama agama.

## Tak pernah iktiraf Israel

Anwar menegaskan Malaysia tidak pernah mengiktiraf Israel secara *de jure*, meskipun mengakui kewujudan negara itu sebagai fakta *de facto*.

Malah katanya, ketika berada di Riyadh baru-baru ini, beliau mengusulkan agar Israel disingkirkan daripada keanggotaan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Katanya, itu satu langkah yang mencerminkan pendirian tegas Malaysia terhadap dasar penindasan Israel terhadap rakyat Palestin.

Beliau turut membidas pihak yang memanipulasi kenyataannya di luar konteks.

“Do you accept the existence of the state of Israel? Yes. Do you believe therefore the state can defend itself? Yes. Tapi, yang kita tentang ini apa? Keganasan, ke-

zaliman, penjajahan negara Israel ke atas rakyat Palestin,” katanya.

Anwar turut mempersoal tindakan pembangkang yang didakwa pernah membenarkan kapal Israel berlabuh di Pelabuhan Klang dan pesawat Israel menggunakan ruang udara Malaysia ketika mereka memerintah.

“Masa kita perintah, ada tak kita izinkan Israel berdagang? Tidak! Apakah kita izinkan pesawat Israel guna ruang udara kita? Tidak!” tegasnya.

Namun, Anwar menyatakan kesediaannya untuk bergerak ke depan dan memberi fokus kepada isu-isu semasa.

“Saya tutup dah cerita tu. Kita maju ke depan. Sudahlah yang dulu, tapi mereka tidak, terus menipu dan menghasut,” katanya.

Dalam AELM di Lima, Anwar menyatakan bahawa Malaysia satu-satunya negara yang mengangkat isu penindasan terhadap Palestin, meskipun forum tersebut tertumpu kepada ekonomi dan perdagangan.

“Bagaimana (hendak mewujudkan) ekonomi dan perdagangan bebas kalau ia menafikan satu pihak?” soal Anwar.

Tambahnya, ini menunjukkan komitmen Malaysia terhadap keadilan sejagat.

Beliau berharap penjelasan itu dapat menghilangkan kekeliruan rakyat dan mengajak semua pihak untuk mengelakkan politik fitnah yang hanya memecahbelahkan masyarakat.